

PENGAJARAN FRASA *QAWALIB* DALAM MATA PELAJARAN *AL-LUGHAH AL-ARABIYAH AL-MUASIROH (LAM)* MENGGUNAKAN KAEDAH NYANYIAN : KAJIAN DI SEKOLAH AGAMA MENENGAH SULTAN HISAMUDDIN KLANG

Nor Hani binti Jaludin¹, Noraizan binti Mohsin², Prof Madya Dr Ruslin bin Amir³

Fakulti Pendidikan UKM Bangi, Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Shah Alam,

*norhanijaludin@gmail.com, noraizan76@yahoo.com

ABSTRAK

Pembelajaran abad ke 21 mementingkan pembelajaran berpusatkan murid dan menggalakkan penyertaan aktif dari pihak pelajar. Bagi matapelajaran Al-lughah Al-arabiyah Al-muasiroh kaedah pengajaran yang menarik membantu guru menarik minat murid terhadap matapelajaran tersebut. Salah satu kaedah yang boleh dijalankan adalah aktiviti pengajaran dan pembelajaran berbentuk nyanyian. Oleh yang demikian, kajian ini memerihalkan satu kajian pengajaran di atas tajuk pembinaan frasa Bahasa Arab qawalib menggunakan kaedah nyanyian di Sekolah Agama Menengah Sultan Hisamuddin Sungai Bertih, Klang, Selangor. Dapatan kajian menunjukkan kaedah ini memberi kesan yang positif ke atas pelajar yang terlibat. Dari penelitian pengkaji mendapati kaedah nyanyian dapat membantu murid dalam menguasai kemahiran bertutur dalam pembelajaran frasa Bahasa Arab. Kebanyakan pelajar yang terlibat dapat memperlihatkan peningkatan dalam skor kefahaman dan juga penguasaan dalam pembinaan frasa Bahasa Arab setelah mengikuti pengajaran menggunakan kaedah nyanyian. Kajian ini juga mendapati pelajar lebih seronok dan gembira selama menjalani pembelajaran tersebut.

Kata kunci: Al-lughah Al-arabiyah Al-muasiroh, kaedah nyanyian, Kurikulum Bersepadu Dini, SABK

Abstract

In 21st century learning focuses on student-centered learning and encourages active participation from students. Attracting teaching method helps teachers to stimulate student's interest to learn Al-lughah Al-arabiyah Al-muasiroh. One of the methods that can be carried out is the teaching and learning activities in the form of singing. Therefore, this study describes a lesson study on the topic of the construction of the Arabic phrase qawalib using the singing method at Secondary Religious School Sultan Hisamuddin Sungai Bertih, Klang, Selangor. The findings show that this method has a positive effect on the students involved. The research found that singing method can help pupil in mastering skill of speaking in learning Arabic phrase. Most of the students involved demonstrated an increase in understanding and mastery in the construction of the Arabic phrase after following the lesson using singing method. This study also found that students were more than happy during the course of the study.

Key words: *Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh, singing methods, Dini Integrated Curriculum, SABK*

1.0 PENGENALAN

Bahasa Arab adalah bahasa kedua atau ketiga bagi pelajar-pelajar di Malaysia. Pembelajaran Bahasa Arab bermula dengan fonetik, semantik dan seterusnya pembinaan frasa-frasa. Kajian sebelum ini mendapati pelajar mengalami kesukaran dalam fasa ketiga dan ini adalah satu cabaran kepada guru-guru Bahasa Arab. Ini memerlukan kepada pendekatan yang menarik bagi membolehkan murid mengingat dan menggunakan setiap frasa ayat dengan mudah. Antara kaedah pengajaran dan pembelajaran pembinaan frasa Bahasa Arab adalah dengan menggunakan unsur *qawalib*. Muhammad 'Ali Al-Khauily seawal tahun 1982 yang dipetik oleh Jaffar (2014) menjelaskan kaedah pengajaran ini sebagai kaedah yang menukarkan

beberapa perkataan dalam ayat dengan cara mengulangi perkataan yang utama dalam ayat tersebut. Melalui kaedah ini, murid dapat mempelajari frasa atau perbendaharaan kata secara berulang-ulang untuk memudahkan mereka mengingatnya dalam jangka masa yang panjang.

Dalam masa yang sama beberapa perkataan lain ditambah secara tidak langsung dan dilakukan secara beransur ansur untuk menambah perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar tanpa mengubah bentuk atau pola ayat tersebut. Pembelajaran *al-lughab al-arabiyah al-muasiroh* (LAM) tidak menumpukan kepada penguasaan sorf (*morfologi*) dan nahu (*sintaksis*) semata-mata seperti mana Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi, tetapi lebih kepada asas mudah *Qawalib al-lugawiyah* (*pattern/template* bahasa) yang hampir maknanya kepada susunan Bahasa Melayu. Pengajaran berpandukan unsur *qawalib* ini menitikberatkan kemahiran murid dalam penggunaan pola dan bentuk ayat yang digunakan sesuai dengan keupayaan penutur bukan arab dalam berkomunikasi tanpa diperkenalkan kepada *qawaid nahwiyyah* mahupun *sorfiyah* dalam setiap frasa. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014)

Teknik nyanyian dipilih oleh pengkaji kerana mengadunkan unsur lagu lebih menyeronokkan dan mudah menarik perhatian murid. Ini kerana kanak-kanak dan murid merupakan golongan yang suka kepada nyanyian dan pergerakan. Justeru, mereka didapati lebih berminat dan mudah memahami sesuatu konsep pembelajaran melalui lagu. Nyanyian juga merupakan kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif kerana nyanyian adalah sebahagian daripada kehidupan mereka. Walau bagaimanapun menurut Rini Lestari (2012), aktiviti nyanyian perlu dilakukan dengan gaya bahasa yang mampu dihafal melalui lirik yang pendek dan sesuai dengan perkembangan murid. Justeru, dalam kajian ini pengkaji telah mengolah lirik lagu dan melodi yang biasa didengar oleh murid bagi pengajaran frasa kata melalui unsur *qawalib* dalam mata pelajaran *Al-Lughab Al-Arabiyah Al-Muasiroh* (LAM).

2.0 LATAR BELAKANG

Al-lughab Al-arabiyah Al-muasiroh (LAM) merupakan salah satu matapelajaran dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) selain *Al-syariah*, *Usuluddin* dan *Tahfiz*. Kurikulum ini mula dilaksanakan di SABK pada tahun 2015. Kandungan pembelajaran *Syariah*, *Usuluddin* dan *tahfiz* menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam PdP. Sebagai bahasa utama dalam pengajaran matapelajaran KBD, satu usaha dalam meningkatkan kualiti pengajaran bahasa Arab perlu dilakukan agar objektif pelaksanaan KBD ini tercapai.

Sebelum pelaksanaan mata pelajaran *Al-lughab Al-arabiyah Al-muasiroh* (LAM), murid-murid di SABK menggunakan Bahasa Arab Komunikasi sejak tahun 1997. Kandungan huraian sukatan Bahasa Arab Komunikasi lebih menumpukan kepada penguasaan sorf (*morfologi*) dan nahu (*sintaksis*). Matlamat tertinggi yang digariskan oleh KPM adalah bagi membolehkan murid memahami al-Quran dan hadis, namun objektif yang digariskan adalah bagi membolehkan murid menguasai aspek Bahasa seperti *fonologi*, *morfologi*, *tatabahasa* dan makna perkataan, di samping kemahiran bahasa itu sendiri iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Oleh yang demikian Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil inisiatif pendekatan secara komunikatif dalam pengajaran Bahasa asing bagi memartabatkan pengajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah. (Hassan Basri Awang Mat Dahan & Muhammad Azhar Bin Zailaini, 2004) (JAPIM, 2011)

Kandungan huraian sukatan mata pelajaran *Al-lughab Al-arabiyah Al-muasiroh* pula dilihat lebih terkini, bersesuaian dengan maksud perkataan *Al-muasiroh* (kontemporari/semasa). Kandungan Dokumen Standard kurikulum yang digunakan sebagai rujukan utama pengajaran LAM merupakan transisi kepada pelaksanaan KSSM yang dilaksanakan pada tahun 2017 di seluruh negara. Ianya digubal dalam bentuk pernyataan standard yang terdiri dari standard kandungan dan pembelajaran yang perlu di capai oleh murid dalam satu tempoh persekolahan. Matlamat yang digariskan oleh KPM adalah bagi membolehkan murid memahami sumber ilmu islam dan memperoleh serta menggunakan kebolehan tersebut dalam proses perkembangan ilmu islam. Murid juga diharapkan dapat menggunakannya dalam bidang sosial, ekonomi, pelancongan dan politik dengan mengambil kira setiap murid mempunyai kecenderungan dan potensi yang berbagai. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014)

Oleh yang demikian, maka objektif pembelajaran LAM tidak menumpukan kepada penguasaan *sorf* (*morfologi*) dan *nahu* (*sintaksis*) semata-mata seperti mana Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi, tetapi cenderung kepada unsur *Qawalib al-lugawiyah* (*pattern/template* bahasa). Ini bermaksud pengajaran unsur *qawalib* dalam LAM bermula dengan memupuk kemahiran bahasa tanpa menumpukan kepada aspek tatabahasa dan *sorf*. Pengajaran berpandukan unsur *qawalib* ini menitikberatkan kemahiran murid menggunakan pola dan bentuk ayat dalam komunikasi sesuai dengan keupayaan mereka sebagai penutur bukan arab. Ini kerana objektif pembelajaran LAM lebih memberi tumpuan bagi melahirkan murid yang mengetahui perbendaharaan kata dan menggunakannya kebolehan dan kemahiran tersebut dalam kemahiran bercakap dan menulis di dalam dan di luar bilik darjah. Proses pengajaran dan pemudahcaraan LAM juga disaran melibatkan unsur-unsur KBAT dan berpusatkan murid tanpa mengeneipkan unsur-unsur kreatif dan inovasi menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014)

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian yang dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Islam (2017a) terhadap pengajaran guru KBD berdasarkan persepsi murid di SABK mendapati min yang sangat rendah pada item pengajaran guru ($\text{min}=2.33$). Persepsi murid terhadap pengajaran guru mata pelajaran agama dan Bahasa Arab adalah tidak menyeronokkan dan guru di dapati tidak mempelbagaikan aktiviti semasa pengajaran di dalam kelas. Laporan oleh Bahagian Pendidikan Islam (2017b) terhadap pelaksanaan dan pemantauan PdP guru Bahasa Arab di SABK mendapati pengajaran guru terhadap kemahiran Bahasa Arab adalah tidak berfokus, iaitu guru LAM tidak mengajar berdasarkan kemahiran bahasa. Guru lebih banyak melakukan aktiviti membaca buku teks dalam tempoh PdP Bahasa Arab. Perkara ini menjadikan proses pembelajaran LAM tidak menarik minat murid dan mengakibatkan penguasaan frasa kata arab murid adalah lemah dan sedikit.

Bagi mengatasi masalah pengajaran kosa kata Bahasa Arab dalam pembelajaran J-qaf, kajian Muhamad, Wan Ahmad, & Che Mat (2013) mencadangkan satu kaedah atau teknik untuk memastikan murid berinteraksi sesama sendiri melalui permainan bahasa dan nyanyian. Akan tetapi menurut Izuddin Muhammed (2015) kaedah nyanyian semata-mata tidak membantu murid mengingat dan mengaplikasi tasrif kata kerja dalam Bahasa Arab dengan berkesan kerana murid-murid didapati hanya boleh mengikuti rentak nyanyian tetapi gagal menulis tasrif itu dengan betul. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengkaji adakah kaedah nyanyian dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Arab murid menerusi kemahiran bertutur frasa kata di dalam kelas dan membina frasa kata dengan mudah.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- 4.1 Mengkaji keberkesanan kaedah nyanyian dalam pengajaran kemahiran bertutur frasa kata *qawalib Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh* (LAM).
- 4.2 Menilai penguasaan murid terhadap kemahiran bertutur frasa kata *qawalib Al-lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh* (LAM).

5.0 SOROTAN LITERATUR

Mata pelajaran Bahasa Arab di anggap sebagai subjek yang sukar dalam kalangan murid. Justeru faktor guru dapat memberi kesan kepada peningkatan minat murid terhadap Bahasa Arab. Kajian Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman, & Zamri Arifin (2014) di MRSM Ulul Albab, Kota Putra mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan minat murid dengan kualiti diri guru Bahasa Arab. Oleh yang demikian guru Bahasa Arab seharusnya meningkatkan lagi tahap kualiti PdP dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran yang dapat menarik minat murid terhadap matapelajaran tersebut. Menurut Atoh, Ramli, & Hamat (2014) antara ciri guru bahasa Arab hendaklah

menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran menarik dan berkesan bagi menarik minat murid. Guru *Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh* (LAM) boleh menggunakan pendekatan bermain dalam aktiviti PdP, seperti teka silang kata dan sahibba untuk memudahkan murid mengingati kaedah *sintaksis* atau *morfologi* sesuatu perkataan. Selain daripada itu, kaedah nyanyian juga boleh digunakan oleh guru *Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh* (LAM) untuk memudahkan murid menghafal *tasrif* dengan mudah di samping melibatkan penggunaan ICT.

Namun, beberapa kajian yang dijalankan mendapati terdapat beberapa isu dan cabaran dalam pengajaran guru Bahasa Arab di Malaysia. Menurut Samah (2012) kekurangan aktiviti bahasa dalam pengajaran Bahasa Arab menjadi antara faktor utama masalah pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab. Kekangan ini menyebabkan murid kurang upaya dan seterusnya murid tidak dapat membina ilmu yang berterusan. Hal ini sangat berkait rapat dengan faktor kualiti pengajaran guru Bahasa Arab. Kajian Ismail, Tamuri, Yusoff, & Othman (2011) mendapati pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia tidak menepati ciri pengajaran komunikatif yang memerlukan semua murid berkomunikasi menggunakan Bahasa Arab dalam aktiviti pembelajaran. Akan tetapi, guru lebih banyak menggunakan teknik pengajaran yang memerlukan respon terus dan ringkas seperti penggunaan teknik soal jawab dan teknik dengar tutur, manakala teknik-teknik lain kurang dilakukan oleh guru.


Kaedah nyanyian ternyata berupaya meningkatkan minat murid dalam pembelajaran. Ini kerana murid di semua peringkat umur sangat cenderung sukakan nyanyian dan ianya dapat merangsang minat murid terhadap sesuatu topik pembelajaran. Dalam kajian Tan Jun Ming & Chin Chee Keong (2012) kaedah menyanyi telah digunakan untuk meningkatkan pengetahuan murid tentang cara pengurusan bahan kitar semula di kalangan murid. Daripada hasil tinjauan awal, di dapati murid-murid tidak dapat mengingat makna bagi setiap warna tong kitar semula dan tidak dapat membezakan fungsi tong kitar semula berdasarkan warna. Akan tetapi dengan kaedah nyanyian terdapat peningkatan tahap pengetahuan berkenaan pengurusan bahan kitar semula dalam kalangan murid.

Kajian oleh Reney Pantun (2017) dijalankan bagi mengenal pasti kefahaman murid tahun dua dalam topik pembundaran angka Matematik. Dalam kajian ini, guru telah menggunakan kaedah nyanyian bagi memudahkan kefahaman murid terhadap topik tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman murid tahun dua terhadap topik pembundaran meningkat apabila guru menggunakan teknik nyanyian. Daripada kaedah tersebut, wujudnya sikap yang positif dalam kalangan murid tahun dua dalam proses pengajaran dan pembelajaran tajuk tersebut menggunakan kaedah nyanyian. Kajian Sulih Prastiya (2010) di sekolah pondok Yogyakarta mendapati, melalui kaedah nyanyian dalam pembelajaran Bahasa Arab, murid mampu menguasai kosa kata baru dengan mudah. Melalui nyanyian, murid mudah menghafal seterusnya berupaya memahami kosa kata tersebut dalam tempoh yang singkat. Kajian ini turut mendapati bahawa dengan kaedah nyanyian murid dapat mengekspresikan emosi serta perasaan mereka menjadikan suasana pembelajaran menyeronokkan.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tindakan berbentuk kajian kes yang dijalankan terhadap 33 orang murid tingkatan 1 Ibnu Qayyim di SAM Hisamuddin Sg Bertih, Klang. Kerangka konsep kajian adalah berdasarkan Robin & Taggart (1998) yang melibatkan empat langkah kajian dalam kajian tindakan. Ujian pra dan pasca digunakan bagi mengkaji penguasaan murid terhadap beberapa frasa kata mengikut unsur *qawalib* Bahasa Arab dengan menggunakan kaedah nyanyian. Pemerhatian juga dilakukan bagi melihat perubahan tingkah laku murid selain temubual terhadap murid sebagai responden.

Rajah 1: Empat langkah kajian tindakan menurut Kemmis & Mc Taggart (1988).



7.0 PELAKSANAAN KAJIAN

7.1 Mereflek

Sebelum melaksanakan kajian ini, guru melakukan tinjauan berdasarkan pemerhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran untuk melihat tingkah laku murid. Ia juga meliputi maklum balas murid terhadap soalan-soalan guru, analisa dokumen dengan merujuk kepada markah ujian prestasi. Sebelum kajian, majoriti murid tidak dapat mengingat beberapa frasa kata Bahasa Arab walaupun mereka telah biasa mendengarnya semasa pembelajaran lalu. Guru mendapati mereka merasa tidak bersemangat untuk mempelajari *Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh* (LAM) kerana perlu menghafaz dan menguasai frasa kata tersebut. Mereka juga tidak lancar menyebut frasa kata tersebut serta tidak mampu menggunakannya dalam percakapan seharian.

7.2 Merancang

Setelah pengkaji mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid, pengkaji merancang kaedah yang akan digunakan dalam pengajaran frasa kata *Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh* (LAM) untuk jangka masa sesuatu pengajaran. Pengkaji memilih kaedah nyanyian sebagai kaedah yang akan digunakan bagi mengatasi masalah penguasaan frasa kata dengan menekankan unsur *qawalib* kepada murid melalui kemahiran bertutur.

Pengkaji telah menyediakan ujian pra yang diedarkan kepada murid bagi mengenalpasti tahap penguasaan dan hafazan frasa kata yang diberi. Sebelum ujian pra dijalankan oleh pengkaji, pengkaji tidak menggunakan kaedah nyanyian untuk memastikan murid-murid mengingat frasa kata tersebut, akan tetapi pengkaji hanya menggalakkan murid-murid menghafal dan menyebut frasa kata tersebut di dalam kelas. Perkara ini menjadikan murid tidak mendapat dorongan untuk menghafaz dan menyebut perkataan tersebut kerana bosan dan tidak menyeronokkan.

Pengkaji juga menyediakan borang pemerhatian yang akan digunakan ketika menjalankan pemerhatian. Ia mengambilkira aspek-aspek penguasaan kemahiran bertutur frasa kata dan suasana pembelajaran. Selain itu, pengkaji juga menyediakan protokol temubual yang akan digunakan semasa menjalankan kajian.

7.3 Membuat tindakan

Semasa pengajaran kemahiran bertutur frasa kata, pengkaji menggunakan kaedah nyanyian. Pengkaji memilih melodi lagu "Anak kampung" yang biasa di dengar oleh murid. Pengkaji menggunakan lirik frasa kata *qawalib Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh* (LAM) yang diulang ulang dan tidak terlalu panjang. Ketika kaedah ini dijalankan, pengkaji meminta murid mengulang ulang nyanyian dalam keadaan yang menyeronokkan. Sebagai dorongan dan motivasi, pengkaji menggalakkan murid menyebut frasa kata tersebut kepada rakan dan memberi ganjaran kepada rakan yang dapat mengulang frasa kata dengan cepat dan betul. Selepas beberapa kali menyanyikan frasa kata tersebut, pengkaji meminta murid menukarkan perkataan lain di dalam frasa yang sama dan mengulanginya dengan melodi yang sama.

Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut, pengkaji membuat pemerhatian terhadap beberapa aspek yang disediakan dalam borang pemerhatian. Selepas sesi pembelajaran pengkaji mengedarkan ujian pasca kepada murid. Ujian pasca adalah selari dengan ujian pra bagi melihat penguasaan murid terhadap frasa kata melalui perbandingan skor yang dicapai oleh murid. Selain itu, pengkaji juga menjalankan sesi temubual dengan lapan orang murid bagi melihat persepsi murid terhadap kaedah yang dijalankan oleh pengkaji.

7.4 Memerhati

Dalam peringkat ini, pengkaji merekod dan menganalisis data yang diperolehi melalui pemerhatian serta menganalisis data temubual yang dijalankan terhadap responden. Pengkaji juga melakukan analisis dokumen berdasarkan hasil skor ujian pra dan ujian pasca.

8.0 INSTRUMEN KAJIAN

Jadual 1: Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian

Bil	Instrumen	Isi kandungan	Item yang di kaji	Catatan
1	Ujian pra dan pasca	diadaptasi dari soalan tajuk + الاسم + الاسم menggunakan unsur <i>qawalib</i> Ujian menguji murid menyebut 5 frasa ayat + الاسم + الاسم	Skor sebelum dan selepas kajian.	Objektif 2
2	Protocol temubual	Persepsi murid sebelum, semasa dan selepas	Persepsi murid terhadap kaedah nyanyian.	Objektif 1
3	Analisis dokumen	Ujian prestasi	Masalah yang dihadapi murid.	Reflek
4	Borang pemerhatian	Situasi murid sebelum, semasa dan selepas	Penguasaan frasa kata menggunakan unsur <i>qawalib</i> ketika pembelajaran.	Objektif 2

9.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 melaporkan perbandingan skor sebelum dan selepas teknik nyanyian digunakan dalam pengajaran kemahiran bertutur frasa kata + الاسم + الاسم.

Jadual 2: Perbandingan skor ujian pra dan ujian pos

SKOR UJIAN (%)	BILANGAN MURID	
	UJIAN PRA	UJIAN POS
81-100	7	31
61- 80	3	2
41- 60	6	0
21-40	9	0
11-20	5	0
0-10	3	0
JUMLAH	33 orang	33 orang

Ini menunjukkan terdapat peningkatan yang sangat ketara dari segi pencapaian di mana bilangan pelajar yang mendapat skor 81 ke atas telah meningkat dari 7 orang kepada 31 orang. Semua pelajar juga didapati telah lulus dalam ujian yang dijalankan.

Jadual 3 menunjukkan perbandingan jumlah frasa yang dibina oleh murid dalam ujian pra dan pos kajian. Berdasarkan jadual 3, jumlah frasa kata yang berjaya di bina oleh murid dalam tempoh masa lima minit adalah bertambah. Jumlah minima frasa kata yang di bina oleh murid selepas menggunakan kaedah nyanyian adalah lima berbanding sebelumnya. Sebelum menggunakan kaedah nyanyian, terdapat lima orang murid yang tidak mampu membina frasa kata semasa ujian pra. Dapatan ini menunjukkan terdapat peningkatan penguasaan murid terhadap frasa kata dengan kaedah menyanyi.

Jadual 3: Perbandingan jumlah frasa di bina oleh murid dalam tempoh lima minit

JUMLAH FRASA	BILANGAN MURID	
	UJIAN PRA	UJIAN POS
10	0	4
9	0	1
8	0	1
7	0	2
6	0	4
5	5	21
4	3	0
3	6	0
2	9	0
1	5	0
0	5	0
JUMLAH	33	33

Jadual 4 menunjukkan analisis data temubual yang dijalankan pengkaji terhadap murid selepas kaedah nyanyian dijalankan dalam pengajaran. Dapatan kajian bagi temubual, mendapati semua peserta kajian bersetuju dengan penggunaan kaedah nyanyian dapat membantu mereka menguasai frasa kata arab dengan mudah dan cepat. Peserta kajian memberikan respon yang sangat baik antaranya “seronok”, “tidak bosan”, “cepat ingat” dan “bersemangat”. Dengan itu, berdasarkan dapatan kajian bagi kaedah temu bual ini jelas menunjukkan bahawa kaedah nyanyian ini dapat membantu murid tingkatan 1 menyebut frasa kata arab dan membina frasa lain dengan mudah dan berkesan.

Jadual 4: Analisis temu bual terhadap penggunaan kaedah nyanyian dalam pengajaran frasa

BIL	SOALAN TEMU BUAL	JAWAPAN RESPONDEN
1	Apakah perasaan anda apabila anda perlu belajar tentang frasa kata Bahasa Arab dan membina berulang kali?	A- <i>“Saya rasa kurang semangat sebab ia susah ditangkap dan susah difahami”</i>
		B- <i>“Saya sangat bosan kerana tajuk itu sukar untuk diingat dan susah dihafal”</i>
		C- <i>“Saya selalu bosan ketika ustazah mengajar sebab frasa itu susah disebut dan saya tidak fasih”</i>
		D- <i>“Tajuk itu susah difahami dan saya selalu mengantuk di dalam kelas”</i>
		E- <i>“Saya selalu kurang faham sebab ayat ustazah terlalu panjang”</i>
		F- <i>“Saya tidak suka belajar Bahasa arab sebab saya mudah lupa”</i>
		G- <i>“Susah saya hendak ingat apa yang ustazah sebut di dalam kelas”</i>
		H- <i>“Saya selalu bosan sebab ustazah sebut terlalu laju dan membuatkan saya tertidur”</i>
		I- <i>“Susah dan bosan, belajar pun tak aktif”</i>
2	Apakah perasaan anda apabila ustazah mengajar frasa kata menggunakan kaedah nyanyian?	A- <i>“Saya rasa Bahasa arab ni senang dan saya happy”</i>
		B- <i>“Bila ustazah guna kaedah menyanyi saya berasa teruja sangat dan seronok”</i>
		C- <i>“Saya gembira sangat sebab saya dapat hafaz banyak ayat dengan cepat. Suasana dalam kelas pun seronok”</i>
		D- <i>“Perasaan saya sangat teruja dan saya lebih bersemangat nak belajar, tak mengantuk pun”</i>
		E- <i>“Saya rasa saya mudah nak ingat dan cepat faham apa yang ustazah ajar”</i>
		F- <i>“Saya berasa seronok dan ingin teruskan belajar sebab saya suka muzik”</i>

		G- <i>"Lebih faham apa yang ustazah ajar berbanding sebelum ini"</i>
		H- <i>"Macam dapat duit, nak lagi sebab best"</i>
		I- <i>"Saya rasa lagi senang nak faham tajuk ni"</i>
3	Apakah perubahan paling ketara yang anda dapat selepas ustazah menggunakan kaedah nyanyian?	A- <i>"saya jadi mudah faham, mudah ingat dan tidak susah untuk menyebut ayat"</i>
		B- <i>"saya mudah ingat dan dapat bercakap dengan fasih dan lancar"</i>
		C- <i>"saya merasakan mudah ingat, kosa kata saya bertambah dan kefasihan Bahasa arab saya lebih lancar"</i>
		D- <i>"perubahan saya dalam saya mendapat perkataan baru, senang untuk buat ayat baru, dan menyanyi buatkan saya mudah ingat"</i>
		E- <i>"perubahan ketara yang saya dapat lihat ialah saya mudah ingat apa yang dipelajari"</i>
		F- <i>"lebih faham apa yang ustazah ajar"</i>
		G- <i>"sebelum tu saya buat ayat macam siput, lepas tu macam arnab, 30 saat je saya buat ayat"</i>
		H- <i>"saya senang ingat dan makin minat"</i>
		I- <i>"perubahannya ialah saya mudah ingat dan mudah sebut"</i>
4	Apakah pandangan anda terhadap pengajaran ustazah?	A- <i>"prestasi ustazah adalah bagus, saya berasa seronok kerana ustazah bersemangat"</i>
		B- <i>"pengajaran ustazah adalah bagus, saya sangat seronok bila dapat menyanyi"</i>
		C- <i>"pengajaran ustazah sangat berkesan, memberi impak yang besar kepada saya dan juga rakan-rakan saya"</i>
		D- <i>"pada pandangan saya cara ustazah mengajar lain daripada cikgu lain, ustazah kreatif"</i>
		E- <i>"pengajaran ustazah baik, saya seronok ustazah beri peluang untuk bertanya, bergurau tapi dapat ilmu"</i>
		F- <i>"saya suka pengajaran ustazah, sangat bersemangat"</i>
		G- <i>"ustazah pandai mencari cara supaya kami tidak bosan senang memahami"</i>
		H- <i>"ustazah banyak buat aktiviti, tak macam kelas lain"</i>
		I- <i>"terbaik"</i>

Jadual 4 meringkaskan pemerhatian ke atas tingkahlaku pelajar dalam kajian. Terdapat kesan yang positif dari segi kesungguhan dan juga emosi pelajar yang terlibat. Pelajar didapati lebih bersungguh dalam pembelajaran menggunakan kaedah nyanyian berbanding keadaan sebelumnya. Dari segi emosi pula terdapat perubahan kepada emosi yang lebih positif bagi pelajar semasa penggunaan kaedah nyanyian di mana mereka lebih aktif dan gembira. Mereka juga didapati mengulang frasa dengan kehendak sendiri dan turut membantu rakan yang menghadapi masalah.

Jadual 5: Catatan pemerhatian sebelum, semasa dan selepas penggunaan kaedah nyanyian

PERKARA	SEBELUM PENGAJARAN	SEMASA PENGAJARAN	SELEPAS
Kesungguhan	Pengkaji melihat murid bersedia untuk belajar, namun kelihatan seperti tertekan untuk memahami dan menyebut frasa tanpa nyanyian.	Pengkaji mendapati murid kelihatan lebih santai semasa belajar, lebih mudah menyebut frasa-frasa dengan bunyi yang betul, kelihatan seronok, keterujaan untuk menyebut frasa-frasa dan pelajar saling membantu sebutan rakan-rakan yang belum mahir dikenalpasti.	Pelajar boleh mengaplikasikan menggunakan perkataan lain dalam frasa yang sama.
Emosi	Ketika kajian, pengkaji melihat tiada sebarang reaksi emosi murid. Tiada senyuman dan ketawa. Murid kelihatan takut dan tidak faham.	Ketika sesi pengajaran dijalankan menggunakan kaedah nyanyian pengkaji mendapati pelbagai emosi terzahir. Banyak gerakan dilakukan, murid bergerak aktif dan gembira.	Pelajar kelihatan lebih bersedia untuk membantu rakan-rakan

		<p>Pelajar kelihatan bersungguh-sungguh menyebut perkataan dengan jelas, walaupun adakalanya tersangkut-sangkut, berlumba-lumba untuk menyebut perkataan dengan pantas, jelas dan betul, supaya dapat merebut lebih banyak ganjaran.</p> <p>Ini kerana pelajar yang dapat menjawab dengan betul akan diberi 2 batang aiskrim sebagai ganjaran dan jika jawapan kurang tepat, pelajar yang bertanyakan soalan hendaklah mengulangi frasa yang betul dengan bimbingan rakan, dan 1 batang aiskrim diberikan sebagai ganjaran.</p>	<p>yang belum dapat menguasai frasa dengan baik, dengan membantu memberikan latihan, dan ulangan menyebut frasa berulang-ulang kali.</p>
--	--	---	--

10.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan perbandingan skor ujian pra dan pos, jelas menunjukkan bahawa dengan menambah elemen nyanyian dalam pengajaran guru Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh (LAM), murid dapat meningkatkan penguasaan frasa kata. Ianya dapat di lihat melalui skor ujian pos yang bertambah baik berbanding ujian pra. Kajian ini selari dengan kajian (Mustari et al., 2012) yang mendapati aktiviti kreatif dan permainan bahasa dapat meningkatkan mutu penguasaan Bahasa Arab murid di sekolah.

Daripada data temubual juga, murid di dapati seronok dan bersemangat mempelajari tajuk *qawalib* frasa Bahasa Arab. Keadaan ini menimbulkan minat terhadap pembelajaran Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh (LAM) yang sinonim sebagai mata pelajaran yang sukar dan susah diingat. Perkara ini membuktikan bahawa kaedah lagu menjadikan murid aktif dalam pembelajaran dan memberi kesan yang mendalam kepada hafazan dan ingatan murid. Hasil kajian Awang, Rahman, & Awang (2016) juga menunjukkan bahawa kaedah nasyid memberikan hasil peningkatan yang ketara terhadap penguasaan murid menghafaz bacaan *tahyyat* dan bacaan dalam solat dalam kalangan murid.

Berdasarkan temubual, pemerhatian dan ujian pra dan pasca yang dijalankan, pengkaji mendapati kaedah nyanyian dengan menggunakan melodi “anak kampung” dapat menjadikan suasana pembelajaran menyeronokkan. Disamping itu objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai di mana murid dapat menyebut banyak frasa kata dengan cepat dan mudah. Menurut (Guat, 2015), penggunaan teknik pembelajaran berpusatkan murid seperti lakonan, main peranan dan nyanyian dapat menimbulkan pembelajaran yang menyeronokkan untuk mengukuhkan konsep dan kemahiran yang hendak diajar kepada murid-murid.

Konsep pembelajaran menyeronokkan ini bertepatan dengan kehendak pengajaran dan pemudahcaraan abad ke-21 yang memerlukan guru menguasai kemahiran komunikasi, melibatkan kolaborasi, berfikir kritis dan kreatif (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Dalam keadaan ini, kaedah pengajaran LAM yang menggunakan kaedah nyanyian memerlukan guru yang dapat menguasai pengetahuan dalam masa yang sama turut menguasai kemahiran serta kreatif. Bagi mencapai maksud ini, selain dari melengkapkan diri dengan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran dan kemahiran, guru perlu meningkatkan dan memperbaiki kualiti kerja. Untuk itu mereka perlu sentiasa bertindak secara proaktif, inovatif, kreatif dan imiginatif dalam PdP untuk melahirkan generasi murid yang berilmu.

RUJUKAN

- Atoh, N., Ramli, S. H., & Hamat, M. Z. A. (2014). Guru Bahasa Arab yang berkualiti: satu tinjauan awal, 1–7.
- Awang, M. Z., Rahman, N. A., & Awang, S. (2016). Kajian tindakan taedah nasyid dalam membaiki bacaan tahiyat dalam kalangan murid sekolah rendah. *Journal of Islamic Studies In Indonesia and Southeast Asia*.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Dokumen Standard Kurikulum al-Lughah al-Arabiyah al-Muasirah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam. (2017a). *Kajian Keperluan Pelaksanaan Pakej Matapelajaran SMKA di SABK Negeri Selangor*.
- Bahagian Pendidikan Islam, K. (2017b). *Laporan Kajian Perlaksanaan dan Pemantauan KBD/KBT*.
- Guat, T. M. (2015). Pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 12, 1–23.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan, & Muhammad Azhar Bin Zailaini. (2004). Kurikulum Baru Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi Sekolah Menengah. *Masalah Pendidikan*, 27, 65–74.
- Izuddin Muhammed. (2015). Meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam bilik darjah melalui penggunaan lughatul fasli: Satu tinjauan awal. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015)*, (i), 9–18.
- Jaffar, M. N. (2014). Bahasa Arab Untuk Sains Islam : Penerapan Kaedah Pengajaran Al-Miran ‘Ala Al-Qaw a lib Untuk Pelajar Pusat Permata Insan Peringkat Rendah. *Ulum Islamiyyah Journal, USIM*, 14, 57–68.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Kpm, (1), 300. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman, & Zamri Arifin. (2014). Hubungan antara kualiti guru Bahasa Arab dan kecenderungan minat pelajar dalam Bahasa Arab. *Jurnal Kemanusiaan UTM*, (22), 1–8. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Mustari, M. I. M., Jasmi, K. A., Muhammad, A. A., Abu Bakar, R., Ahamad, S., Siti Hajar, H. A. A., ... Muhammad, A. A. (2012). Permainan Bahasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. In *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]* (pp. 879–888). Retrieved from [http://eprints.utm.my/40071/%5Cnhttp://eprints.utm.my/40071/1/Cover & Paper.pdf](http://eprints.utm.my/40071/%5Cnhttp://eprints.utm.my/40071/1/Cover%26%20Paper.pdf)⁰[http://eprints.utm.my/40071/1/Cover %26 Paper.pdf](http://eprints.utm.my/40071/1/Cover%26%20Paper.pdf)
- Reney Pantun. (2017). Penggunaan Teknik Nyanyian Dalam Meningkatkan Kefahaman Murid Tahun Dua dalam Topik Pembundaran. *Proceedings of the ICECRS*, 1(October), 25–27. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.541>
- Rini Lestari. (2012). Nyanyian Sebagai Metode Pendidikan Karakter Pada Anak. *Prosiding Seminar Nasional Psikologi Islami*. Surakarta., 131–136.
- Robin, K. S., & Taggart., M. (1998). *The Action Research Planner*. Victoria: Deaken University.
- Sulih Prastiya. (2010). *Menyanyi Sebagai Metode Untuk Meningkatkan Penguasaan Kos Kata Bahasa Arab*. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Tan Jun Ming, & Chin Chee Keong. (2012). Penggunaan Kaedah Nyanyian untuk Meningkatkan Pengetahuan tentang Cara Pengurusan Bahan Kitar Semula. *Persidangan Kebangsaan Pembangunan Dan Pendidikan*, (September), 8–20. Retrieved from [http://ipgktb.edu.my/lestari/kertas_lestari2012/tan_jun_ming & chin.pdf](http://ipgktb.edu.my/lestari/kertas_lestari2012/tan_jun_ming_&_chin.pdf)